

11 MAY 1999

Umno-sambutan (Fokus Berita)

UMNO TETAP UTUH SELEPAS 53 TAHUN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Umno yang berusia 53 tahun hari ini tetap kukuh walaupun menghadapi cabaran demi cabaran dari dalam dan luar negara untuk menggugat kekuatannya.

Apa jua aral yang melintang, anggota Umno terus bersatu malah mereka yang meninggalkannya juga telah kembali ke pangkuannya kerana sedar hanya Umno satu-satunya parti politik yang dapat menjamin masa depan orang Melayu.

Seperti biasa sambutan ulang tahunnya bermula dengan satu upacara menaikkan bendera Umno di perkarangan ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Bendera berwarna putih merah dengan sebilah keris di tengah-tengahnya melambangkan keutuhan ketuanan bangsa Melayu di negara ini.

Upacara hari ini bermula dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Persiden Umno menaikkan bendera itu dengan iringan lagu rasmi Umno "Bersatu, Bersetia, Berkhidmat" dan "Umno Teras Negara" yang dinyanyikan oleh koir parti.

Malam ini, satu majlis tahlil akan diadakan.

Semua Badan Perhubungan Umno negeri serta bahagian dan cawangan parti juga mengadakan sambutan sendiri seperti menganjurkan majlis tahlil.

Walaupun akan ada pihak membuat tafsiran untuk memperkecil-kecilkan sambutan ulang tahun Umno kali ini, namun ia bukanlah gambaran sebenar tentang keadaan parti itu seperti yang digembar-gemburkan.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Mohd Ali Rustam berkata 11 Mei adalah hari paling meriah dan bahagia bagi anggota Umno kerana ia menggambarkan betapa Umno masih teguh, utuh dan kukuh walaupun dalam keadaan ia berdepan dengan pelbagai dugaan.

Cabaran paling getir yang dihadapi parti itu ialah apabila Tengku Razaleigh Hamzah dan beberapa pemimpin lagi meninggalkannya pada 1987 untuk menubuhkan parti Semangat 46 yang kemudiannya menjadi lawan utama kepada Umno.

Dengan menjadikan peristiwa itu sebagai perbandingan dengan apa yang dihadapi oleh Umno sekarang ekoran pemecatan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim tahun lepas, Mohd Ali berkata masalah yang Umno hadapi sekarang tidaklah sehebat dulu.

Isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail telah menubuhkan Parti Keadilan Nasional tetapi menurut pemerhati, parti itu tidak boleh disamakan dengan Semangat 46 daripada segi pengaruh dan kekuatannya.

Ini kerana pada 1987, Tengku Razaleigh membawa bersamanya pemimpin-pemimpin Umno sedangkan penyingkiran Anwar daripada jawatan kerajaan dan parti pada September 1998 tidak meninggalkan implikasi besar kepada parti.

"Semasa Tengku Razaleigh keluar parti ramai yang mengikuti beliau atas dasar perjuangan tetapi dalam kes Datuk Seri Anwar, ahli Umno yang mengikut beliau adalah segelintir sahaja dan mereka meninggalkan parti bukan atas dasar perjuangan," katanya.

Menyedari bahawa kepentingan Melayu hanya boleh dibela menerusi Umno, Tengku Razaleigh dan ribuan pengikutnya kembali ke pangkuan Umno pada 1996 semasa ulang tahun ke-50 parti itu.

Mohd Ali berkata tidak ramai anggota dan pemimpin Umno yang mahu mengikuti Anwar sebab mereka tahu siapa pemimpin Umno yang benar-benar ikhlas dan bersungguh dalam memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

"Kebanyakan ahli Umno menyokong Datuk Seri Dr Mahathir kerana beliau seorang pemimpin yang berkeyakinan diri dan sudah membuktikan kebolehannya dalam membangunkan negara dan memperjuangkan nasib rakyat," katanya.

Mohd Ali yang juga Timbalan Menteri Kesihatan yakin orang Melayu akan tetap menyokong Umno dan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang kerana mereka sedar hanya Umno satu-satunya parti yang boleh menjamin masa depan mereka.

Sebaliknya, rakyat mampu menilai sendiri betapa peliknya gabungan pembangkang kerana PAS, DAP dan Parti Keadilan Nasional mempunyai agenda masing-masing yang langsung tidak secocok.

Keadilan, umpamanya, telah mengisytiharkan bahawa ia mahu menjadikan Anwar sebagai perdana menteri sedangkan PAS dan DAP mungkin mempunyai calon masing-masing untuk jawatan itu jika mereka berkuasa.

--BERNAMA

ARA MAI